

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT(A) 1000/021/011/01 Jld. 12 **02**)
Tarikh: **29** Julai 2020

YBhg. Datuk Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
81310 UTM Johor Bahru
JOHOR
No. Tel. : 07-5530001 / 07-557 5960
No. Faks. : 07-557 9376

YBhg. Datuk,

**MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
BERHUBUNG KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN
TINGGI (JKPT) BIL.2/2020 DAN BIL.3/2020 PADA 25 JUN 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan UTM.(S)J.08.02.02/10.13/56 Jld. 7 (8) bertarikh 18 Februari 2020 dan UTM.(S)J.08.02.02/10.13/56 Jld. 9 (21) bertarikh 5 Mei 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meluluskan permohonan UTM seperti berikut:

- (i) Semakan Kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik dan Jumlah Jam Kredit

Sarjana Muda Harta Tanah dengan Kepujian
Bachelor of Real Estate with Honours
Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021

- (ii) Semakan Kurikulum: Perubahan Jumlah Jam Kredit

Sarjana Sains (Sains Forensik)
Master of Science (Forensic Science)
Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021


3. Penawaran program oleh universiti awam (UA) yang melibatkan implikasi kewangan, perjawatan dan infrastruktur hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah/Gabenor Universiti (LPU/LGU) terlebih dahulu bagi memastikan program tersebut dapat dijalankan dengan berkesan.

4. Butiran kelulusan adalah seperti di Lampiran A dan cabutan minit Mesyuarat JKPT Bil.2/2020 dan Bil.3/2020 disertakan untuk rujukan dan makluman jua. Perhatian YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(PROF. DR. MOHD CAIRUL IQBAL BIN MOHD AMIN)

b/p: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k. :

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

81310 Skudai

JOHOR

No. Tel : 07-553 0348

No. Faks : 07-554 7371

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Mercu MQA,

No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5

63000 Cyberjaya

SELANGOR

No. Tel. : 03-8688 3688

(a) **Semakan Kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik dan Jumlah Jam Kredit**

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Nama asal: Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) <i>Bachelor of Science (Property Management)</i> Nama diluluskan JKPT: Sarjana Muda Harta Tanah dengan Kepujian <i>Bachelor of Real Estate with Honours</i>		
Entiti Akademik	Fakulti Alam Bina dan Ukur		
Tahap KKM	Tahap 6		
NEC	341- <i>Wholesale and retail sales</i>		
Perubahan Jam Kredit	Asal: 133 kredit Diluluskan JKPT: 130 kredit		
Kaedah Penyampaian	Campuran		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)
	Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	10 tahun (20 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada <u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan <u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada		
Tarikh Kelulusan	Senat	18 Disember 2019	
	LPU	9 Januari 2020	

Lampiran A

(b) Semakan Kurikulum: Perubahan Jumlah Jam Kredit

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Sarjana Sains (Sains Forensik) <i>Master of Science (Forensic Science)</i>		
Entiti Akademik	Fakulti Sains		
Tahap KKM	Tahap 7		
NEC	442- <i>Chemistry</i>		
Perubahan Jam Kredit	Asal: 42 kredit Diluluskan JKPT: 48 kredit		
Kaedah Penyampaian	Campuran		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1.5 tahun (3 semester)	4 tahun (8 semester)
	Separuh Masa	2 tahun (4 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada <u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan <u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada		
Tarikh Kelulusan	Senat	29 Januari 2020	
	LPU	17 Mac 2020	

**CABUTAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)
BIL.2/2020 DAN BIL.3/2020**

Tarikh : 25 Jun 2020 (Khamis)
Masa : 5.30 petang hingga 6.35 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Al Biruni
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini adalah bertujuan untuk menilai, meneliti dan memperakukan keperluan dan permohonan program akademik baharu dan juga program akademik sedia ada yang telah melalui semakan kurikulum sebelum ditawarkan oleh Universiti Awam (UA).
- 1.3 Program akademik di peringkat Diploma dan Sarjana Muda perlu melalui proses saringan yang ketat, yang mana penilaian yang terperinci harus diambil kira kerana kerajaan masih memperuntukkan subsidi yuran sehingga 90% bagi dua tahap pengajian ini.
- 1.4 Pemerkasaan JKPT dan MSA sebagai mekanisme *check and balance* akan dapat membantu Kementerian terutamanya dalam meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan. Selain itu, hal ini dapat mengurangkan jurang di antara penawaran dan keperluan guna tenaga negara dengan menawarkan program akademik yang relevan agar segala sumber kewangan dan kepakaran dapat digunakan semaksimum mungkin.
- 1.5 UA juga perlu memastikan setiap program yang bakal ditawarkan menepati kehendak guna tenaga negara masa kini. Melihat kepada situasi ekonomi dan pasaran semasa kesan daripada penularan wabak COVID-19, program yang berteraskan IR 4.0 dan juga program yang menerapkan elemen keusahawan adalah sangat digalakkan. Penekanan kepada dua asas utama ini dapat membantu menghasilkan pelajar dengan kebolehpasaran yang tinggi selain berupaya mencipta pekerjaan sendiri (*job creator*) selepas menghabiskan pengajian mereka.

- 1.6 Oleh yang demikian, JPT akan memberi tumpuan terhadap penambahbaikan kurikulum program akademik UA melalui pendidikan e-keusahawanan. Melalui pendekatan ini, pengetahuan tentang perniagaan dan keusahawanan akan diterapkan kepada pelajar merentasi bidang lain melalui rangsangan teknologi agar pelajar mampu menggunakan platform teknologi digital secara kolaboratif, kreatif dan kritikal.
- 1.7 *Creativepreneur* (*creative + entrepreneur*) merupakan salah satu contoh bidang yang berpotensi diperkasakan melalui penawaran program akademik. *Creativepreneur* adalah cabang ilmu dalam Industri Kreatif yang digabungkan dengan ilmu keusahawanan melalui platform digital. Dengan mengambil kira kepentingan serta nilai pasaran yang tinggi, IPT di Malaysia khususnya UA adalah digalakkan untuk menceburi bidang ini agar lebih banyak program seumpamanya ditawarkan bagi melahirkan lebih ramai pelajar *creativepreneur*. Ini kerana, *creativepreneur* bukan sahaja dapat memperluaskan prospek kerjaya diri pelajar dengan mewujudkan perniagaan sendiri malah mampu membuka peluang kerjaya kepada yang lain.
- 1.8 Melihat kepada perkembangan ini, panel penilai adalah bertanggungjawab dalam memastikan hanya program akademik yang menepati bidang tujuan dengan potensi kebolehpasaran yang baik sahaja ditawarkan oleh UA. Penawaran program akademik yang tidak berfokus kepada bidang tujuan atau kurang impak kepada penajaan ekonomi negara hanya akan menyebabkan pembaziran sumber dan kepakaran.
- 1.9 Selain itu, JPT masih berpendirian bahawa kadar yuran berjumlah RM18,000.00 bagi program pascasiswazah mod kerja kursus dan campuran masih relevan. Hal ini dengan mengambil kira pasaran semasa dan kadar yuran ini dilihat masih rendah berbanding kadar yuran yang ditetapkan oleh pihak IPTS. Walau bagaimanapun, pihak agensi luar/UA digalakkan untuk mempertimbangkan penawaran biasiswa kepada pelajar.
- 1.10 Kadar yuran berjumlah RM18,000.00 juga akan dikaji pelaksanaannya kepada program pascasiswazah mod kerja kursus dan campuran sedia ada di UA.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Encik Muhamad Amran bin Zainal Abidin, wakil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mencadangkan supaya Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.1/2020 disahkan. Cadangan tersebut disokong oleh Encik Nik Naharudin bin Mohd Nasir wakil daripada *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan disahkan tanpa pindaan.

4. KERTAS CADANGAN UNIVERSITI BERSTATUS SWAAKREDITASI

4.6 UNIVERSITI TENOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.6.1 Semakan Kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik dan Jumlah Jam Kredit

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Nama asal: Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) <i>Bachelor of Science (Property Management)</i> Nama diluluskan JKPT: Sarjana Muda Harta Tanah dengan Kepujian <i>Bachelor of Real Estate with Honours</i>		
Entiti Akademik	Fakulti Alam Bina dan Ukur		
Tahap KKM	Tahap 6		
NEC	341- <i>Wholesale and retail sales</i>		
Perubahan Jam Kredit	Asal: 133 kredit Diluluskan JKPT: 130 kredit		
Kaedah Penyampaian	Campuran		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)
	Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	10 tahun (20 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada		
Tarikh Kelulusan	Senat	18 Disember 2019	
	LPU	9 Januari 2020	

a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- (i) Program ini disemak selaras dengan perubahan dan arus semasa dalam ekonomi, pasaran tempatan dan global, perkembangan industri serta keperluan Majlis Pengajian Tinggi Negara (MPTN), Pelan Transformasi Ekonomi, Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM 2015/2025) dan aspirasi Universiti Teknologi Malaysia dalam Pelan Global UTM Fasa III (2018-2020);
- (ii) Pindaan kurikulum ini dilakukan bagi memenuhi keperluan pembelajaran Kurikulum Abad ke-21 yang berhasrat untuk melahirkan graduan yang kompeten dan memenuhi keperluan industri dari segi gunatenggara sektor harta tanah dan mengikut arus perubahan industri harta tanah diperingkat global dan tempatan yang kini berpaksikan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang menitikberatkan pendigitalan dan pengautomasian pelbagai sektor;
- (iii) Pindaan kurikulum ini dilakukan dengan mengambil kira pandangan dan cadangan dari pelbagai pihak di dalam industri harta tanah Malaysia antaranya Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH), Pihak Berkuasa Tempatan, penilai kerajaan, penilai swasta, pengurus harta tanah dan pengurus fasiliti;
- (iv) Semakan kurikulum program ini juga dilakukan bagi memastikan kursus-kursus yang ditawarkan oleh program ini adalah kekal relevan dan sentiasa mengikut arus perubahan dan hala tuju terkini pendidikan negara. Laporan penandaarasan telah dilakukan dengan beberapa universiti yang menawarkan program yang sama termasuk universiti antarabangsa seperti University of Reading, University of Georgia, dan National University of Singapore (NUS) dan beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), dan Universiti Tun Hussien Onn (UTHM); dan
- (v) Semakan kurikulum bagi program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.

- b) Mesyuarat bersetuju untuk **meluluskan** semakan kurikulum program akademik tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 4.6.1.

Tindakan:
UTM
BAK, JPT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.6.2 Semakan Kurikulum: Perubahan Jumlah Jam Kredit

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Sarjana Sains (Sains Forensik) <i>Master of Science (Forensic Science)</i>		
Entiti Akademik	Fakulti Sains		
Tahap KKM	Tahap 7		
NEC	442- <i>Chemistry</i>		
Perubahan Jam Kredit	Asal: 42 kredit Diluluskan JKPT: 48 kredit		
Kaedah Penyampaian	Campuran		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1.5 tahun (3 semester)	4 tahun (8 semester)
	Separuh Masa	2 tahun (4 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada		
Tarikh Kelulusan	Senat	29 Januari 2020	
	LPU	17 Mac 2020	

- a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:
- (i) Ringkasan data unjuran keperluan graduan sains forensik dalam sektor awam dan swasta bagi tempoh 5 tahun (2020-2025) yang diperoleh daripada pemegang taruh menunjukkan yang negara memerlukan lebih kurang 200 orang graduan sains forensik;
 - (ii) Daripada segi kebolehpekerjaan graduan, pelbagai sektor industri selain forensik juga memerlukan sumber manusia yang mempunyai ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Graduan program ini mempunyai peluang kerjaya yang amat luas dalam pelbagai sektor;
 - (iii) Pindaan kurikulum ini dilakukan dengan mengemaskini dan mereka bentuk kurikulum yang menyokong agenda Kurikulum Tersedia Masa Hadapan/*Future-Ready Curriculum*; dan
 - (iv) Semakan kurikulum bagi program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.
- b) Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan semakan kurikulum program akademik tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 4.6.2.

Tindakan:
UTM
BKA,JPT

8. HAL – HAL LAIN

Tiada.

9. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.2/2020 dan Bil.3/2020 ditangguhkan pada jam 6.35 petang.

Disediakan oleh:

Urus Setia JKPT

Bahagian Kecemerlangan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi

Nota:

Cabutan Minit ini adalah tertakluk kepada pengesahan minit semasa mesyuarat akan datang.